

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS MINIT MESUARAT
JAWATANKUASA PROGRAM BANDAR SELAMAT,
LOCAL AGENDA 21 DAN PEMBANGUNAN MAMPAN,
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BIL.1/2017
BERTARIKH 15 MAC 2017**

Bil.	PERKARA	MAKLUM BALAS
3.1	<p>Cadangan Perlaksanaan "Bike Share" Di Cyberjaya</p> <p>Dato' Pengurus mencadangkan supaya ditingkatkan kolaborasi dengan stakeholder dan pemaju samada di Cyberjaya atau kawasan strategik bagi melaksanakan projek 'bike share'. Pelaksanaan samada secara 'cost sharing basis' atau kaedah yang sesuai perlu difikirkan bagi memastikan cadangan 'bike share' ini dapat dilaksanakan.</p>	<p>Dua (2) lokasi telah dipilih bagi 'Pilot Projek' 'Bike Share' iaitu :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bandar Sunsuria <ul style="list-style-type: none"> - Telah dilaksanakan oleh Sunsuria Oride Sdn Bhd iaitu dengan kerjasama antara syarikat Sunsuria Sdn Bhd dan Oride (M) Sdn Bhd b) Bandar Cyberjaya <ul style="list-style-type: none"> - Cadangan di Cyberjaya masih lagi diperingkat penelitian dan telah dibentangkan di Mesuarat Penyelaras dan Pembangunan Cyberjaya pada 22 Jun 2017 yang lalu. - Dua (2) syarikat telah mengemukakan pembentangan iaitu syarikat daripada Obike (M) Sdn Bhd dan Cycledios Sdn Bhd. - Pembinaan stesen <i>bike share</i> tidak diperlukan walaubagaimana tempat letak basikal khas perlu disediakan. Manakala kos pembinaan laluan / trek basikal khas akan dibuat menggunakan peruntukan semasa Majlis atau pun daripada sumber-sumber lain. <p>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>

Bil.	PERKARA	MAKLUM BALAS
3.2	Cadangan Pengasingan Laluan Pejalan Kaki Daripada Kenderaan Bermotor Di Bawah Program Bandar Selamat Di Bandar Baru Salak Tinggi	<p>Status Kemajuan projek ini dianggarkan dalam 100 peratus. <i>* disyorkan dikeluarkan daripada Minit</i></p> <p>Tindakan :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jabatan Perancangan Bandar - Jabatan Kejuruteraan - Jabatan Landskap
3.3	Cadangan Operasi Bersepadu Terhadap Warga Asing Ke Daerah Sepang Atas Kesalahan Yang Dilakukan Samaada Tinggal Melebihi Tempoh Masa Atau Salah Guna Visa Pelajar Bersama Jabatan Imigresen Negeri Selangor. <p>a) Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan operasi bersepadu bersama Jabatan Imigresen di Daerah Sepang. Operasi bersepadu ini akan mensasarkan kawasan Cyberjaya dan Desa Pinggiran Putra khususnya di Kampung Limau Manis. Ini susulan berlakunya kemasukan warga asing menggunakan visa pelajar dan telah tamat tempoh serta berlakunya kejadian kemalangan yang tinggi dan sebagainya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Cadangan operasi bersepadu ini akan diketuai oleh Jabatan Imigresen bersama Jabatan Penguatkuasaan, MPSepang • Jabatan Imigresen telah mengadakan Operasi di Cyberjaya dan telah dilaporkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan Negeri Selangor pada 16 Jun 2017 yang lalu berikut penguatkuasaan dan operasi eKad yang telah berakhir pada 30 Jun 2017. <p>Tindakan :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jabatan Imigresen Negeri Selangor
3.9	Cadangan Usahasama MPSepang dan SEDA Malaysia Bagi Program Low Carbon Building. Pilot Projek Cyberjaya	<ul style="list-style-type: none"> - Online Energy System telah dipasang - Walaubagaimana terdapat isu ketidakcukupan 2 unit data logger yang masih perlu di pasang bagi memastikan bacaan tenaga lebih tepat khususnya dari aspek penggunaan tenaga. - Semakan dan lawatan bersama <p><small>Laporan Maklum Balas Bagi Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 & Pembangunan Mampan, Majlis Perbandaran Sepang Bil.1/2017</small></p>

Bil.	PERKARA	MAKLUM BALAS
		<p>telah diadakan oleh pihak SEDA dan Jabatan Kawalan Bangunan pada 15 Mac 2017 di Bilik MSB. Dirumuskan bahawa terdapat keperluan untuk membuat pengubahsuaian bagi bilik MSB tersebut khususnya supaya peralatan Unit Data logger boleh ditempatkan yang dikhas dan boleh diakses dengan WiFi atau internet. Buat masa ini, internet tidak dapat dicapai ke bilik MSB tersebut.</p> <p>Tindakan :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jabatan Perancangan Bandar - Jabatan Kawalan Bangunan - Unit Teknologi Maklumat
3.10	Cadangan Penyediaan ‘Blueprint @ Pelan Pembangunan Perbandaran Pintar dan Rendah Karbon Bagi Cyberjaya’ (Blueprint Of Smart & Low Carbon Cities For Cyberjaya 2025’ Untuk Majlis Perbandaran Sepang.	<p>Satu (1) ‘Interim Report’ telah dihasilkan dan telah dibentangkan di Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Teknikal Kajian ‘Cyberjaya : Smart & Low Carbon City’ pada 16 Jun 2017 yang lalu.</p> <p>Terdapat keperluan untuk mengadakan satu (1) lagi siri Workshop yang dicadangkan pada penghujung Julai 2017 bagi semakan akhir Key Action Plan kajian ini.</p>
3.11	Cadangan pelaksanaan projek Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) di bawah Standco Teknologi Hijau Negeri Selangor di Bangunan Majlis dan empat (4) Pasar Awam di kawasan pentadbiran MPSepang	100 peratus kerja di tapak telah siap dilaksanakan.
4.2	Cadangan Pelaksanaan ‘Bike Share’ di Cyberjaya (Multimedia University – D’Pulze Shopping Complex – Prima Avenue) di bawah inisiatif ‘Smart & Low Carbon City’ MPSepang	Cadangan ini berkaitan dengan perkara 3.1. Mesyuarat menangguhkan konsep pembangunan versi 1.0 (dock station) berbanding versi 2 yang tidak memerlukan station tetapi menggunakan QR Code untuk mengunci basikal dan dilengkapi dengan GPS.

Bil.	PERKARA	MAKLUM BALAS
		Pihak Majlis akan meneliti semula cadangan ini berdasarkan keputusan Mesyuarat Pembangunan Cyberjaya pada 22 Jun 2017.
4.3	Laporan Audit Tenaga Bangunan Majlis Perbandaran Sepang di Cyberjaya	<p>Laporan akhir Audit Tenaga telah dibentangkan oleh pihak Greentech Malaysia. Satu (1) program kesedaran penjimatatan tenaga elektrik akan diberikan secara percuma kepada pegawai dan kakitangan MPSepang yang dirancangkan pada awal Ogos 2017.</p> <p>10 cadangan (recommendations) oleh pihak Greentech Malaysia akan diteliti oleh pihak Majlis dan juga bersama kolaborasi pihak SEDA Malaysia khususnya berhubung penjimatatan dan kecekapan tenaga elektrik.</p>
4.4	Cadangan Latihan Kecekapan Tenaga ‘Energy Efficiency’ Bangunan Rendah Karbon dan Asas Pengurusan Tenaga Serta Kecekapan Tenaga Kepada Pengurusan dan Teknikal Majlis Perbandaran Sepang Secara Kolaborasi dengan SEDA Malaysia	<p>Tarikh dan cadangan latihan akan ditentukan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan, MPSepang & SEDA Malaysia.</p> <p>Dicadangkan latihan diadakan pada bulan Ogos 2017 (Teknikal) dan September 2017 (Non Teknikal).</p>
4.5	Pelaksanaan Dan Penglibatan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) Dalam <i>Green Technology Application For The Development Of Low Carbon Cities (GTALCC) Project</i>	Mesyuarat mengambil maklum mengenai inisiatif MPSepang di dalam melaksanakan LCCF seperti <i>Apps Development, Electric Facilitate bus stop, Composting & Recycling Centre – Cyberjaya, Smart Waste (iOT), Waste Management (KISMAT, ABBS), Tax Reduction for Green Building, Led Street Lighting, Bicycle Lane, Smart Parking, Urban Farming & Community Garden.</i>

Laporan Maklum Balas Bagi Minit

Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat,
Local Agenda 21 & Pembangunan Mampan,
Majlis Perbandaran Sepang Bil.1/2017

Bil.	PERKARA	MAKLUM BALAS
4.6	Cadangan Pelaksanaan EPC (Energy Performance Contract) Bagi Pemasangan Lampu LED (Light Emitting Diode) Di Cyberjaya Di Bawah Inisiatif ‘Smart & Low Carbon City’, Majlis Perbandaran Sepang	<p>Penilaian dan Pelaksanaan projek ini akan diselaraskan oleh Jabatan Kejuruteraan, MPSepang</p> <p>Cadangan pelaksanaan ini akan dimulakan dengan Bandar Cyberjaya.</p>
4.7	<p>Cadangan Pelaksanaan ‘Food Waste Composting’ Peringkat Majlis Perbandaran Sepang di bawah inisiatif ‘Smart & Low Carbon City’ MPSepang</p> <p>Pilot Projek : Belakang Kafeteria, MPSepang</p>	<p>Berdasarkan semakan mendapati pelaksanaan ‘Food Waste Composting’ yang diamalkan secara terus kepada tanah (BIOPORI) masih belum ada PBT yang melaksanakan. Kebanyakannya menggunakan mesin composting dan pelaburan untuk pembelian mesin tersebut adalah tinggi.</p> <p>Pihak Majlis akan mengadakan taklimat dan demo FWC bersama Pengusaha / peniaga sekitar Sepang yang dicadangkan pada 28 September 2017. Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama MENGOLAH / Pencinta Alam Sekitar dan Peniaga-peniaga di Daerah Sepang.</p>
4.8	Cadangan Program Kepolisian Masyarakat (Policing Community) Majlis Perbandaran Sepang Bersama Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang dan Komuniti Cyberjaya Di Bawah Program Bandar Selamat serta bersempena Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Cyberjaya	Program ini telah dilaksanakan pada 20 Mei 2017 yang lalu dengan kerjasama PDRM, MPSepang dan Setia Haruman Sdn Bhd serta Kick Start Academy Self Defence.
4.9	Cadangan Penyediaan Tempat Letak Motosikal Berkunci dan Berbumbung Di Taman Mas, Daerah Sepang	Projek ini telah dilaksanakan ditempat Tempat Letak Motosikal Berkunci (TLMB) sediada di Taman Mas. Kerja-kerja telah siap dilaksanakan sepenuhnya.
4.10	<p>Cadangan Kebun Komuniti Bagi Tahun 2017</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kebun Komuniti Untuk Warga Majlis Perbandaran Sepang • Kebun Komuniti di Ayer Hitam Permai 	Kebun Komuniti untuk warga MPSepang yang sepatutnya dilaksanakan pada 6 Mei 2017 ditangguhkan pada satu tarikh yang

Bil.	PERKARA	MAKLUM BALAS
		<p>akan ditetapkan kemudian</p> <p>Manakala, pelaksanaan Kebun Komuniti di Ayer Hitam Permai akan melibatkan 2 pilihan berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Tapak 1 : Kebun Komuniti di atas tanah Kerajaan (Tapak Kenderaan Berat) <ul style="list-style-type: none"> - Implikasi perlaksanaannya, memerlukan kos tinggi untuk kerja-kerja memecahkan tapak, membina pagar dll kerana tapak tersebut telah dikonkritkan - Pihak Majlis perlu mencari tapak ganti bagi cadangan tapak tempat letak kenderaan berat b) Tapak 2 : Kebun Komuniti di atas tanah Kerajaan (bersebelahan kenderaan berat) <ul style="list-style-type: none"> - Implikasi perlaksanaannya, tidak memerlukan kos yang tinggi kerana keadaan masih lagi dalam keadaan semak belukar dan dicadangkan dibersihkan sahaja - Pihak Majlis akan mengadakan satu perbincangan bersama penduduk untuk mendapatkan maklum balas penduduk melalui kehadiran mesyuarat dan minat. Sekiranya kehadiran melebihi 70 peratus, cadangan program kebun komuniti akan diteruskan atau sebaliknya kerana program ini memerlukan komitmen penduduk.